



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 25 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	KPKM GIAT LAKSANAKAN REFORMASI INDUSTRI PADI DAN BERAS UNTUK ATASI KEKURANGAN BERAS PUTIH TEMPATAN, NABALU NEWS -ONLINE KPKM SIASAT DAKWAAN KILANG PADI TUKAR BERAS TEMPATAN KEPADA BERAS IMPORT, NASIONAL, BH -7 GUNA TEKNOLOGI BANTU TINGKAT PENDAPATAN, PRODUKTIVITI PETANI SEHINGGA 20%, BERNAMA -ONLINE ISU BERAS PUTIH TEMPATAN BELUM DAPAT DISELESAIKAN, DALAM NEGERI, UM -5 MALAYSIA-CHINA TRADE AND CULTURE FORUM STRENGTHENS TIES, NST -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
6.	TIGA SPESIES IKAN ASING TERMASUK PATIN HITAM DITEMUI DI SUNGAI LINGGI, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2024	NABALU NEWS	ONLINE	

KPKM giat melaksanakan reformasi industri padi dan beras untuk atasi kekurangan beras putih tempatan



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited dalam menangani isu kekurangan beras putih tempatan di pasaran dengan melaksanakan reformasi besar-besaran dalam industri padi dan beras negara.

Menurut Timbalan Menterinya, Datuk Arthur Joseph Kurup, kementerian tidak menafikan terdapat kedai runcit dan pasar raya yang masih menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan beras tersebut.

Arthur menjelaskan bahawa sejak Jun 2023 hingga 19 September 2024, sebanyak enam juta kampak beras putih tempatan 10 kilogram telah diedarkan di seluruh negara sebagai usaha menangani kekurangan bekalan.

"Antara langkah yang diambil dalam pelaksanaan reformasi ini seperti pemantapan tata kelola melalui pengasingan kuasa melibatkan Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)," katanya semasa sesi soal jawab di Dewan Rakyat.

Langkah-langkah lain termasuk penguatkuasaan peraturan baharu yang melarang percampuran beras putih tempatan dengan beras putih import, serta penggabungan penguatkuasaan di bawah KPKM untuk memperkukuh kawal selia sektor agromakanan.

Menjawab pertanyaan Ahli Parlimen Parit Buntar, Mohd Misbahul Munir Masduki, beliau berharap semua pihak menyokong usaha reformasi ini demi masa depan industri padi dan beras negara.

KPKM siasat dakwaan kilang padi tukar beras tempatan kepada beras import

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mewujudkan satu peraturan baharu bagi memastikan tiada penyelewengan terhadap bekalan beras putih tempatan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup, berkata pihaknya akan menjalankan siasatan terhadap ke atas beberapa kilang padi yang didakwa menukar beras tempatan kepada beras import.

"Pertamanya kita kena siasat dulu, minta bahagian kawal selia padi dan beras dan sebagainya untuk pergi ke kilang padi ini melawat, adakah betul bahawa tuduhan ada campuran antara beras putih tempatan dan beras import berlaku.

"Sekiranya berlaku kita perlu mewujudkan peraturan yang baharu untuk memastikan bahawa beras putih tempatan mesti ada bekalan, akses untuk memenuhi keperluan rakyat Malaysia," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Mohd Misbahul Munir Masduki (PN-Parit Buntar) yang ingin tahu sama ada kerajaan memantau kilang pengeluaran padi di seluruh negara bagi mengesan padi tempatan yang didakwa ditukar menjadi beras import dan sekiranya dakwaan itu berlaku apakah tindakan terhadap kilang padi berkenaan.

Menjawab soalan asal Mohd Misbahul Munir mengenai

usaha kementerian dalam mengatasi masalah kekurangan beras putih tempatan di pasaran, Arthur berkata, pihaknya sentiasa berusaha dengan pelbagai pendekatan bagi memastikan keberadaan bekalan beras putih tempatan di pasaran mampu untuk memenuhi keperluan pengguna.

Sentiasa beri perhatian

Beliau berkata, antara pendekatan diambil pihaknya adalah mengedar beras putih tempatan melalui program jualan dan rangkaian di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta rangkaian pasar raya terpilih.

"KPKM sentiasa memberi perhatian terhadap isu kekurangan bekalan beras putih tempatan di pasaran yang melanda negara sejak 2023.

"Bermula Jun 2023 hingga 19 September 2024, sebanyak enam juta kampak beras putih tempatan 10 kilogram telah didedarkan oleh FAMA, LPP dan pemborong," katanya.

Dalam usaha menangani isu keberadaan beras putih tempatan di pasaran, Arthur berkata, KPKM kini giat melaksanakan rombakan strategi melalui pelaksanaan reformasi industri padi dan beras, antaranya pemantapan tatakelola melalui pengasingan kuasa membabitkan Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (BERNAS). BERNAMA

SAVE 10%

SAVE 11%

SAVE 10%



Fri, Oct 25, 2024



LOG IN

Cerita Berita

Guna teknologi bantu tingkat pendapatan, produktiviti petani sehingga 20 %

BERNAMA

24-10- 2024 04:34 PM



- fotoBERNAMA

SAVE 11%	Lenovo IdeaPad 5 2-L...	SAVE 11%	Lenovo IdeaPad 1 (1...	SAVE 8%	Lenovo IdeaPad 3 (1...	SAVE 10%
	RM3,899.01		RM2,049		RM2,299	

KUALA LUMPUR: Penerokaan dan penggunaan teknologi dalam sektor pertanian menunjukkan perkembangan positif termasuk membantu meningkatkan pendapatan petani selain mengurangkan kos operasi, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup.



ARVIA FLIP TOUCH

Unveiling The Arvia Flip Touch With 4K Camera And 32-Inch Display

EXPLORE NOW >

Beliau memberi contoh prestasi program kolaborasi kementerian dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menerusi Digital Agriculture Technology (Digital AgTech), yang telah meningkatkan pendapatan pengusaha tani sehingga 20 peratus melalui penggunaan teknologi serta digital.

"Selain itu, petani juga dapat meningkatkan kadar produktiviti mereka sehingga 20 peratus dan dapat mengurangkan kos operasi sehingga 30 peratus," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

ADVERTISEMENT



> Read More

Malaysia condemns terrorist attack on TAI,...

PUTRAJAYA: Malaysia has strongly condemned the attack...

The Sun Daily

Read Next Story >

Powered by GliaStudio

Beliau menjawab soalan tambahan Wong Shu Qi (PH-Kluang) berhubung mekanisme yang digunakan kementerian untuk menilai keberkesanan program atau inisiatif automasi bagi bidang pertanian.

Menjawab soalan asal Wong mengenai usaha kerajaan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dalam sektor pertanian, Arthur berkata pada tahun ini, kerajaan memperuntukkan RM20 juta di bawah Program Mekanisasi dan Automasi Agromakanan bagi meningkatkan penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi.

“Penggunaan teknologi moden seperti sistem pertanian pintar, dron dan automasi dalam kerja ladang bagi meningkatkan kecekapan dan mengurangkan keperluan tenaga kerja fizikal, termasuk penggunaan sensor pemantau parameter tanah, pengairan automatik dan pemantauan hasil pertanian menggunakan data raya,” katanya.

ADVERTISEMENT

SAVE 8%

SAVE 11%

Lenovo IdeaPad 3 (14", Gen 8) AMD Ryzen™ 3 7320U Processor (2.40 GHz up to 4.10 GHz)/Windows 11 Home ...

Lenovo IdeaPad 5 2-in-1 (14", Gen 9) AMD Ryzen™ 5 8645HS Processor (4.30 GHz up to 5.00 GHz)/Windows...

RM2,239
RM2,039

SHOP NOW

RM3,889.01
RM3,458.89

SHOP NOW

Selain itu, beliau berkata Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyediakan Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Pertanian yang berupaya melahirkan pekerja mahir yang terlatih dan berkelayakan untuk mempertingkatkan daya saing industri tempatan di pasaran dunia serta berpengetahuan dalam teknik pertanian moden.

Katanya terdapat 15 Pusat Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan Bertauliah seluruh negara dengan menawarkan sejumlah 10 bidang pengkhususan kepada pelajar.

Selain tu, Arthur berkata kementerian juga menyediakan dana, geran dan insentif sebagai galakan untuk membantu petani tempatan termasuk Geran Agropreneur Muda bagi menarik minat lebih ramai golongan muda terlibat dalam sektor pertanian dengan had bantuan geran tersebut dinaikkan daripada RM20,000 kepada RM30,000.

ADVERTISEMENT

SAVE 3%

SAVE 11%

Malaysia condemns terrorist attack on TAI,...
PUTRAJAYA: Malaysia has strongly condemned the attack...
The Sun Daily

Read Next Story >

13 (14", Gen 8) AMD Ryzen™ 3 7320U Processor (2.40 GHz up to 4.10 GHz)/Windows 11 Home ...

Lenovo IdeaPad 5 2-in-1 (14", Gen 9) AMD Ryzen™ 5 8645HS Processor (4.30 GHz up to 5.00 GHz)/Windows...

You May Like

Sponsored Links by Taboola

[New in] A revolution in bras with Comfort Wire

Our innovative Illusion Collection perfectly creates a braless illusion while ensuring optimal support. Support you need. Comfort you crave. Intelligently flexes with body curve for harmony. Experience 100% comfort now.

Triumph

Shop Now

New Container Houses In Putrajaya: Take A Look At The Prices!

Local Plan

Read More

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Isu beras putih tempatan belum dapat diselesaikan

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
dan **AIMAN ALI**

utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Isu beras putih tempatan (BPT) yang sudah berlarutan sejak lebih setahun lalu diakui masih belum selesai sepenuhnya walaupun Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengambil beberapa langkah untuk menanganinya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, sehingga kini, premis-premis runcit seperti kedai runcit dan pasar raya masih tidak memperoleh bekalan beras berkenaan.

Menurut beliau, situasi itu perlu diberi perhatian agar rakyat di kawasan luar bandar mendapat akses kepada bekalan beras putih tempatan.

"KPKM kini giat melaksanakan rombakan strategi melalui pelaksanaan reformasi industri padi dan beras antaranya pemantapan tatakelola melalui pengasingan kuasa melibatkan Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

"Selain itu, mewujudkan peraturan baharu larangan percampuran beras putih tempatan dengan beras putih import serta menggabungkan penguat kuasa di bawah KPKM bagi memperkukuh kawal selia sektor agromakanan.



"Selain itu, langkah mereformasi pentadbiran Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) turut diambil," katanya semasa Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian bagi

menjawab soalan Mohd Misbahul Munir Masduki (PN-Parit Buntar) minta KPKM menyatakan sebab-sebab beras tempatan masih sukar untuk diperoleh di kedai-kedai runcit mahupun pasar raya dan apakah usaha Kementerian bagi mengatasi permasalahan itu.



KPKM kini giat melaksanakan rombakan strategi melalui pelaksanaan reformasi industri padi dan beras antaranya pemantapan tatakelola melalui pengasingan kuasa..."

ARTHUR JOSEPH KURUP

Di samping itu, beliau turut memaklumkan pendekatan yang diambil oleh KPKM dalam isu kekurangan bekalan beras putih tempatan di pasaran yang melanda negara sejak 2023.

"Antaranya adalah mengedar beras putih tempatan melalui program jualan dan outlet di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pem pasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta rantaian pasar raya terpilih.

"Bermula dari bulan Jun 2023 sehingga 19 September 2024, sebanyak enam juta kampak beras putih tempatan 10 kilogram telah diedarkan oleh FAMA, LPP dan pemborong," katanya.

Malaysia-China trade and culture forum strengthens ties

SHAHARUL SHAHABUDIN
KUALA LUMPUR
bt@nst.com.my

THE recent Malaysia-China Cultural Exchange, Economic Trade Investment Forum and the Grand Asian Celebrity Charity Gala Night 2024 showcased the deep ties between Malaysia and China.

Held on Oct 13 at Wisma Huazong, Seri Kembangan, the event was organised by Forever GACC Sdn Bhd and aimed to promote cooperation in trade, culture and tourism, with the gala serving as a charity event.

Yayasan Kebajikan Artis Tanahair chairman Datuk Irwan Shah Abdullah said the event was a celebration of the shared cultural heritage between both countries and illustrated the power of collaboration for the greater good.

Irwan, popularly known as DJ Dave, said the event also supported charitable causes that uplift the underprivileged.

This cultural exchange is more than just a showcase of artistic talent; it serves as a platform for fostering deeper connections, building mutual respect, and strengthening bonds between the two countries.

"We have gathered to not only appreciate cultural diversity but also to join hands in supporting charitable causes," he said.

Irwan said the event was a bridge for members of the creative industry in Malaysia to connect with technology businesses from China.

"Entertainment is a significant industry. Through technological



The Malaysia-China Cultural Exchange, Economic Trade Investment Forum and Grand Asian Celebrity Charity Gala Night 2024, held at Wisma Huazong in Seri Kembangan, showcases the deep ties between Malaysia and China. The event was organised by Forever GACC Sdn Bhd.



Vincent Chong

transfer, we can sell our dramas in China. With technology, films can be dubbed in Chinese."

The gala dinner featured performances from Malaysian and international artists, including Datuk Nash, Reshmonu, and the Dikir Fusion.

Hong Kong musicians Tony Yong and Alice Wong also contributed to

the vibrant performances.

Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Arthur Joseph Kurup officiated at the event.

He said cultural exchanges played a vital role in strengthening ties between Malaysia and China.

"The interactions between our peoples go beyond trade; they involve the arts and culture that shape and build our identities."

He remarked that events like this could enhance mutual under-

standing and strengthen cultural heritage, paving the way for future cooperation.

Malaysian Chamber of Commerce and Industry in China deputy president Vincent Chong said the event served as a gateway for Chinese businesses to learn about Malaysia, particularly its culture, which is essential for the ease of business operations.

"Understanding the Malaysian culture is crucial for Chinese busi-

nesses to navigate the local style of doing business. Culture is a form of soft power," he noted.

Chong shared that some delegates found the experience an eye-opener.

He highlighted the significance of the Malaysian halal certification in Yunnan, a district with a substantial Muslim population.

"This creates bigger opportunities for Malaysian businesses, especially, in the tourism sector catering for the needs of the Muslim community," he added.



Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Arthur Joseph Kurup (in red) officiating at the event. Also present are Yayasan Kebajikan Artis Tanahair chairman Datuk Irwan Shah Abdullah, popularly known as DJ Dave (left), wife of former prime minister Tun Abdullah Ahmad Badawi, Tun Jeanne Abdullah (third from right) and organising chairperson Poris Lee (second from right).



Datuk DJ Dave

Tiga spesies ikan asing termasuk patin hitam ditemui di Sungai Linggi

PORT DICKSON – Spesies ikan patin hitam antara tiga jenis ikan asing yang ditemui di Sungai Linggi baru-baru ini.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, spesies ikan asing berkenaan ditemui menerusi dapatan Inventori Perikanan Darat selama dua hari bermula Selasa lalu.


Menurutnya, daripada inventori ikan berkenaan, pihaknya mendapati terdapat tiga spesies ikan asing iaitu tilapia hitam, lampam jawa dan patin hitam.

“Kemungkinan, ikan-ikan asing ini terlepas semasa musim banjir atau bencana. Bagaimanapun, jumlah ikan asing ini tidak banyak dan masih lagi terkawal. Ini menunjukkan ekosistem di Sungai Linggi masih sihat.

“Secara keseluruhannya, hasil inventori perikanan merekodkan pendaratan ikan berjumlah 25.98 kilogram yang terdiri daripada spesies ikan-ikan asing dan ikan asli,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Jelas Kasim lagi, ikan-ikan asli yang ditemukan di Sungai Linggi antaranya ikan duri, ikan sumpit, ikan selat, udang galah, ikan haruan pasir, ikan buntal, ikan siakap, ikan bulan dan ikan kitang.

Menurutnya, seramai 25 orang terdiri daripada nelayan Pengkalan Kempas, pegawai-pegawai perikanan negeri dan daerah telah terlibat sama menjalankan inventori perikanan dengan menggunakan peralatan jaring dan pancing.



SPESIES ikan patin hitam antara tiga jenis ikan asing yang ditemui di Sungai Linggi. – IHSAN JABATAN PERIKANAN NEGERI SEMBILAN